

## ILHAM ART SHOW Q+A SESSION

3 July 2021, 11:00 AM

### APPLICATION ELIGIBILITY

**1Q: I live in Malaysia but I am not a Malaysian citizen. Can I apply?**

1A: The art show is open to all artists based in Malaysia. You don't have to be Malaysian but you do have to reside in Malaysia.

**2Q: What do you mean by a collective, can just two artists, as a pair, qualify as a collective?**

2A: Yes, if you are in a duo, that counts as a collective.

**3Q: How do you define "a professional artist"?**

3A: We are defining it very loosely as someone who has exhibited in at least one group show.

**4Q: Can you send in a proposal as an artist and also as part of a collective?**

4A: Yes, you can do that as long as the proposals are different.

**5Q: I'm currently based in Malaysia but will be living out of Malaysia after the time that proposals are submitted.**

5A: Please email us at [ilhamgallerykl@gmail.com](mailto:ilhamgallerykl@gmail.com) with your specific details – we will respond on a case to case basis.

### ARTWORK PROPOSAL

**1Q: How detailed should the proposal be?**

1A: You only have 500 words so you should use it to describe the concept of the artwork and the idea behind it. If relevant, you can also discuss the process of making the work.

**2Q: Can my proposed work be in the form of sketches because it hasn't been produced yet?**

2A: Yes, the proposed works can be in the form of sketches. We just want to look at your idea. So, yes, you don't have to have a finished work, you can explain your art proposal through the artist statement as well.

**3Q: I actually have two ideas and can't decide on which to propose. Would it be possible to propose both ideas?**

3A: You'll have to choose one.

**4Q: It states here that the artwork must be a new or original work produced by the artist. So, for example, an artist has a body of work that he or she has developed that has not been shown in any exhibition or group exhibition – would that qualify?**

4A: Yes that qualifies, and we are defining “new” work as work that has been made in the last 12 months.

**5Q: If we make sure that each component of the artwork does not exceed the size limit, is there a maximum size limit pertaining to the artwork as a whole?**

5A: There is no limit to the size of the artwork although there is a limit to the size of each component of the work. So, basically if your work is large, and it’s made of two or three different components or even ten components that you assemble in the gallery, the size of each component needs to be under 2.3 × 2.7 × 0.9 metres. That’s the maximum size of each component in the work. So technically while there’s no maximum size specified, to the work, there is a maximum size to the component of the works. However, bigger is not necessarily better. You don’t need to propose large works to impress the panel. We are looking for strong, interesting works that don’t necessarily have to be large. Size is not the consideration at all in how the judges would evaluate your work.

**6Q: Can we hang from the ceiling?**

6A: You can hang things from the ceiling but you will need to go through a consultation process with the team in ILHAM to deal with issues of weight, to deal with issues of hanging points because all these things need to be discussed with the engineering department in the building. If you want to make works that are hanging from ceilings, you need to be prepared to be flexible, to amend the work as per logistical requirements and engineering requirements because there is a maximum load to the ceiling. Currently the maximum load for the ceiling is about 100 kilograms for each anchor point. So if you’re planning on making a very heavy work, do think of multiple anchor points, so that you distribute the weight evenly across the ceiling. And also, just be prepared to have to go through a whole process, to amend the work to make it work in the building, in the space. That will be the case with most installations which have complicated technical requirements.

**7Q: Can the proposal be in video form because my work is moving art and needs to be visually displayed?**

7A: There’s a section in the form for you to type in the link to your video that we can look at.

**8Q: If there are later changes to the work proposed due to unknown circumstances would that be a problem or will it be open to dialogue?**

8A: There will definitely be a dialogue. If you are selected or if your proposed work is selected, there will be communications with the ILHAM team from September 2021 right up to January/February 2022. And, we’ll be in constant contact, so if there are any issues those will be addressed at that period as well.

**9Q: Is the exhibition space only limited to the fifth floor space or does it encompass the third floor as well? Are there any spaces within the building that we can propose for the works to be placed?**

9A: We might open the third floor space, it really depends. If you are suggesting other locations in the building, that's something that we might only be able to confirm later if we select your work because as we are a tenant in the building, we will have to negotiate with the management of the building. Also, these are public spaces so, we also have to take into account e public liability and safety and all of that.

**10Q: Is appropriation art allowed? I know some galleries are alright with it but others might be cautious about copyright issues.**

10A: It really depends on the specific work. But let's say we like the idea, but we think there could be some copyright issues, then that's something we will discuss with you to see how we can manage this but these are all questions and issues we can decide later. Don't self censor yourself at this point. Just propose the work that you want to make. We can discuss these issues, and that's part of the process you will have with the curators at Ilham.

**11Q: Is there any specific theme or subject matter for the show or is it open?**

11A: It's open, there is no theme for the show.

## BUDGET ESTIMATE

**1Q: What can our production budget estimate cover? For example, does it cover materials, and logistics?**

1A: The production budget would cover basically everything you need to make the work, to the point the artwork leaves the studio. It covers materials, it covers external manpower, and any other expenses you need to make the work. Please note that ILHAM will cover packing, transport and installation costs.

**2Q: So what advice would you give when estimating costs? If we already have the paints, canvas, etc., do we calculate that in?**

2A: Everything has a cost. Even if you own those things, calculate those costs. Also remember that this is just an estimate because if you're selected, ILHAM will allocate the final grant amount that you will receive.

**3Q: What if the production cost is more than RM8000?**

3A: We are giving production grants only up to RM8000 so if it costs anything more then that's something you might need to absorb.

## RECENT WORKS

- 1Q: With regard to the PDF of the five previous works we need to send, does it have to be the five latest works?**
- 1A: It doesn't have to be the last five works that you have produced. It should be works that give us an idea of your practice.
- 2Q: So are there any specific concepts or themes that you're looking for? Can it be personal or must it address wider social/political issues?**
- 2A: We're not looking for any specific theme, just make the work that you want to make. Don't worry about what we're looking for because if the work is strong, it will be selected.

## WHAT HAPPENS TO YOUR ARTWORK AFTER THE ILHAM ART SHOW? (ARTWORK OWNERSHIP)

- 1Q: Will the selected artworks belong to ILHAM?**
- 1A: The ownership of the artwork remains with the artist. The production grant is not a commissioning fee. We're giving artists the production grant to make the work. The work does not belong to ILHAM, the work will still belong to the artist.
- 2Q: What will happen to the artworks after the show? Will the artworks be sold?**
- 2A: At the end of the exhibition, we will send the works back to the artists. ILHAM is a public art gallery so we do not sell any artworks in our space. However, ILHAM may be interested to acquire the artwork for our collection and if so, we will negotiate separately with the artist to acquire the work.

## TECHNICAL DIFFICULTIES

- 1Q: I submitted my application and did not receive a confirmation email. Should I wait for it?**
- 1A: For those who have not received a confirmation email, we ask that you email us at [ilhamgallerykl@gmail.com](mailto:ilhamgallerykl@gmail.com) with your name and email address, and we will get back to you.
- 2Q: If there are online uploading issues, can we also email the proposals to make sure it has reached you?**
- 2A: If there's a technical issue and you can't upload it for some reason, you can email us at [ilhamgallerykl@gmail.com](mailto:ilhamgallerykl@gmail.com). And if you want to amend it before the deadline, please just email us as well so that we know you'll be submitting another application that will then replace the original application that you sent in.

## SELECTION PROCESS

---

**1Q: How many artists will be selected?**

1A: It really depends on the applications and the works, but probably around 30 artists, give or take.

**2Q: And, is there any preference for medium?**

2A: No, not at all, we are open to all mediums.

**3Q: How much influence does the ILHAM team have on the selection of artists?**

3A: If we get a very large number of entries, the team might shortlist for the panel, for practical reasons. But regardless of this, the panel will have access to every single entry.

## TIMELINE

---

**1Q: What will happen if there are unexpected developments in the country? Will that impact timelines?**

1A: These are the timelines we are working with for now, but we just have to be flexible and adapt according to circumstances. There have been many unexpected developments since the pandemic and adaptability has had to be the watchword of the last sixteen months.

**2Q: If our proposal is accepted, how much time will be given to produce the actual work?**

2A: Three to four months.

## ILHAM ART SHOW SESI SOAL JAWAB

3 Julai 2021, 11 Pagi

### KELAYAKAN PENYERTAAN

**S1: Saya menetap di Malaysia tetapi bukan warganegara. Bolehkah saya turut serta?**

J1: Pameran seni ini terbuka untuk semua artis yang menetap di Malaysia. Anda tidak perlu memegang kewarganegaraan Malaysia untuk turut serta tetapi harus menetap di Malaysia.

**S2: Apakah yang dimaksudkan kolektif, bolehkah jika hanya gabungan dua orang artis dianggap sebagai kolektif?**

J2: Ya. Dua orang juga dianggap sebagai kolektif.

**S3: Apakah yang dimaksudkan sebagai “artis profesional”?**

J3: Kami mentakrifkan secara kasar, sekurang-kurangnya seseorang itu pernah menyertai satu pameran berkumpulan.

**S4: Bolehkah menghantar dua cadangan karya sebagai artis dan juga sebagai salah seorang dari kolektif?**

J4: Boleh, anda boleh berbuat demikian selagi ianya cadangan karya yang berlainan.

**S5: Saya kini menetap di Malaysia tapi akan berada di luar negara selepas tempoh penyertaan dihantar.**

J5: Sila e-melkan kepada kami di [ilhamgallerykl@gmail.com](mailto:ilhamgallerykl@gmail.com) untuk butiran lebih lanjut – kami akan menjawab isu seperti ini dari masa ke semasa.

### CADANGAN KARYA

**S1: Seberapa terperinci sesebuah cadangan karya?**

J1: Anda hanya 500 patah perkataan untuk menerangkan konsep karya dan idea di sebaliknya. Jika relevan, anda juga boleh sertakan proses pembuatan karya.

**S2: Bolehkah sekiranya cadangan karya dihantar dalam bentuk lakaran kerana ia belum lagi dihasilkan?**

J2: Cadangan karya boleh dihantar dalam bentuk lakaran. Kami hanya ingin melihat idea. Jadi tidak perlu menghantarkan karya yang sudah siap, anda juga boleh menerangkan cadangan karya menerusi pernyataan artis.

**S3: Saya mempunyai dua idea karya dan tidak tahu untuk menghantar yang mana satu. Bolehkah saya menghantar kedua-duanya?**

J3: Anda harus memilih salah satu.

**S4: Dinyatakan bahawa karya yang dihasilkan oleh artis perlu baru atau asli. Jadi, sebagai contoh, jika seseorang artis itu mempunyai karya yang telah dikembangkan sekian lama tetapi tidak pernah dipamerkan pada mana-mana pameran – adakah ia layak untuk penyertaan?**

J4: Ya ia layak, kami menyifatkan karya “baru” ialah karya yang dihasilkan dalam tempoh 12 bulan sebelum ini.

**S5: Jika setiap komponen karya tidak melebihi had ukuran, berapakah ukuran maksimum untuk keseluruhan karya?**

J5: Tiada had ukuran untuk keseluruhan karya walaupun setiap komponen mempunyai ukuran yang terhad. Jika karya anda besar, dan mengandungi dua atau tiga komponen ataupun sepuluh komponen yang boleh dipasang di galeri, setiap komponen haruslah di bawah ukuran 2.3 × 2.7 × 0.9 meter. Ini adalah ukuran maksimum bagi setiap komponen karya. Secara teknikal, walaupun tiada had ukuran karya, tapi setiap komponen harus mengikut had yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, besar tidak semesti lebih bagus. Anda tidak perlu untuk menghantar karya yang besar untuk menarik perhatian para panel. Kami mencari karya yang mantap dan menarik yang tidak semestinya bersaiz besar. Saiz bukanlah faktor pertimbangan panel untuk menilai sesebuah karya.

**S6: Adakah dibenarkan menggunakan siling untuk penggantungan karya?**

J6: Anda dibenarkan untuk menggunakan siling untuk penggantungan namun harus melalui proses rundingan bersama pasukan ILHAM berkaitan isu berat, berkenaan dengan titik penggantungan kerana semua ini harus dibincangkan bersama bahagian kejuruteraan bangunan. Jika anda ingin menghasilkan karya yang digantung di siling, anda perlu fleksibel, bersedia untuk menyesuaikan karya menurut keperluan logistik dan kejuruteraan bangunan kerana had tampungan maksimum siling. Setiap titik penambat di siling mampu untuk menampung beban sehingga 100 kilogram. Jadi, jika anda merancang untuk menghasilkan karya yang berat, anda harus memikirkan beberapa titik penggantungan supaya dapat menyelaraskan tampungan berat di siling secara rata. Juga, bersedia untuk melalui proses penyesuaian karya bagi menjayakan gantungan di dalam ruang bangunan. Isu ini juga sama untuk setiap karya yang mempunyai keperluan teknikal yang rumit.

**S7: Bolehkah cadangan karya dalam bentuk video kerana karya saya melibatkan imej bergerak dan harus dipamerkan secara visual?**

J7: Terdapat bahagian pautan di dalam borang penyertaan untuk memuat naik video anda.

**S8: Apakah akan menjadi masalah atau perlukah perbincangan jika ada pertukaran karya di saat akhir di atas sebab-sebab yang tertentu?**

J8: Akan ada perbincangan untuk perkara ini. Jika karya anda dipilih, akan ada komunikasi bersama pasukan ILHAM dari September hingga Januari/Februari. Kami akan sentiasa berhubung dengan anda, untuk mengendalikan sebarang isu dalam tempoh tersebut.

**S9: Adakah ruang pameran hanya terhad di aras lima sahaja atau termasuk aras tiga? Adakah ruang khusus lain di dalam bangunan yang boleh digunakan?**

J9: Kami mungkin akan menggunakan aras tiga, tetapi terpulang kepada keperluan. Jika anda mencadangkan lokasi lain di sekitar bangunan, kami hanya dapat memberi jawapan setelah karya anda dipilih, dan kami sebagai penyewa di bangunan ini harus berunding bersama bahagian pengurusan bangunan terdahulu. Dan, sebagai ruang awam kami juga mengambil kira tentang liabiliti dan keselamatan khalayak awam.

**S10: Adakah karya seni apropriasi dibenarkan? Ada sebilangan galeri membenarkannya tetapi ada juga yang bimbang tentang isu hak cipta.**

J10: Ia terpulang kepada karya. Contohnya, kami tertarik dengan idea anda, tapi pada masa yang sama mungkin akan ada permasalahan hak cipta, kami akan berbincang dengan anda bagaimana untuk mengendalikan permasalahan ini, namun ini semua persoalan dan isu yang boleh diputuskan di kemudian hari. Jangan menapis diri apabila menghasilkan karya ketika ini. Hantarkan karya yang anda ingin hasilkan. Isu-isu seperti ini boleh dibawa berbincang, ia sebahagian dari proses yang akan anda lalui bersama kurator di ILHAM.

**S11: Apakah tema dan subjek khusus untuk pameran ini ataupun ia terbuka?**

J11: Ia terbuka, tiada tema untuk pameran ini.

## ANGGARAN BAJET

**S1: Apakah yang perlu disertakan di dalam anggaran bajet? Contohnya, adakah ia termasuk bahan dan logistik?**

J1: Bajet Produksi merangkumi segala yang anda perlukan untuk menghasilkan karya, sehingga saat ia meninggalkan studio anda. Ia termasuk bahan, tenaga kerja luar dan juga lain-lain perbelanjaan yang diperlukan untuk menghasilkan karya anda. Sila maklum ILHAM akan membiayai kos pembungkusan, pengangkutan dan pemasangan.

**S2: Apakah nasihat anda ketika menganggarkan kos? Jika bahan seperti cat, kanvas, dll, sudah sedia ada, adakah ia juga dikira?**

J2: Setiap benda mempunyai kos. Walaupun anda memilikinya, ia patut disertakan untuk perkiraan kos. Juga harus diingati bahawa ini hanya anggaran, ILHAM akan memperuntukkan nilai yang anda akan terima.

**S3: Apa akan berlaku sekira kos penghasilan melebihi RM8000?**

J3: Kami hanya memperuntukkan geran sehingga RM8000 sahaja, jika ia melebihi nilai ini anda perlu menanggung selebihnya.



## KARYA TERKINI

**S1: Berkenaan dengan fail PDF lima karya terdahulu yang harus disertakan bersama, adakah ia perlu lima karya yang terkini?**

J1: Ia tidak semestinya lima karya terkini yang anda hasilkan. Tujuannya untuk memberi gambaran tentang praktik seni anda.

**S2: Apakah konsep atau tema khusus untuk pameran? Bolehkah ia bersifat peribadi atau perlukah mengangkat isu sosial/politik?**

J2: Kami tidak mencari sebarang tema khusus, jadi hantarkan karya yang anda ingin hasilkan. Jangan risau apa yang kami inginkan kerana jika karya anda mantap, ia akan dipilih.

## APA YANG TERJADI KEPADA KARYA SELEPAS TAMATNYA ILHAM ART SHOW? (PEMILIKAN KARYA)

**S1: Adakah karya yang dipilih milik ILHAM?**

J1: Karya masih milik artis. Geran produksi bukan biaya komisen. Kami memberikan geran kepada artis untuk menghasilkan karya. Karya bukan kepunyaan ILHAM dan masih dimiliki oleh artis sepenuhnya.

**S2: Apa yang terjadi kepada karya setelah tamat pameran? Adakah ia akan dijual?**

J2: Kami akan menghantar kembali karya kepada artis setelah tamat pameran. ILHAM adalah sebuah galeri seni awam jadi kami tidak menjual sebarang karya di galeri kami. Walau bagaimanapun, pihak ILHAM mungkin akan berminat untuk memperoleh karya untuk koleksi kami dan jika demikian, kami akan berunding secara berasingan bersama artis untuk proses pembelian.

## MASALAH TEKNIKAL

**S1: Saya telah menghantar penyertaan dan tidak menerima sebarang emel pengesahan. Patutkah saya menunggu?**

J1: Bagi sesiapa yang tidak menerima e-mel pengesahan, sila e-melkan kepada kami di [ilhamgallerykl@gmail.com](mailto:ilhamgallerykl@gmail.com) beserta nama dan alamat e-mel, dan kami membalas kembali kepada anda.

**S2: Bolehkah kami e-mel cadangan karya untuk memastikan ianya sampai ke pihak anda jika terdapat sebarang isu muat naik?**

J2: Jika terdapat sebarang masalah teknikal dan tidak boleh memuat naik, anda boleh e-melkan kepada kami di [ilhamgallerykl@gmail.com](mailto:ilhamgallerykl@gmail.com). Jika anda ingin mengubah cadangan karya sebelum tarikh tutup, sila e-melkan kepada kami supaya kami tahu anda akan menghantar penyertaan yang berlainan untuk menggantikan penyertaan asal yang dihantar sebelum ini.

## PROSES PEMILIHAN

**S1: Berapa ramaikah yang akan dipilih?**

J1: Bergantung kepada penyertaan, tapi secara umumnya dalam 30 artis.

**S2: Ada sebarang keutamaan bentuk media?**

J2: Tidak, kami terbuka untuk semua bentuk media.

**S3: Berapa besar pengaruh pasukan ILHAM dalam pemilihan artis?**

J3: Di atas sebab praktikal, pasukan ILHAM akan menyenarai pendek cadangan karya jika menerima penyertaan yang besar. Walau demikian, para panel akan mempunyai akses kepada setiap penyertaan.

## GARIS MASA

**S1: Apa akan terjadi jika berlaku sebarang keadaan yang tidak diduga kepada negara? Adakah ia akan menjejaskan garis masa yang sedia ada?**

J1: Buat masa ini kami mengikuti garis masa yang sedia ada, namun kami bersikap fleksibel dan harus menyesuaikan diri kepada sebarang keadaan. Keadaan tidak menentu akibat pandemik dan penyesuaian telah menjadi isyarat kata semenjak enam belas bulan yang lalu.

**S2: Jika cadangan karya kami terpilih, berapa lama masa yang diperuntukkan untuk menghasilkan karya?**

J2: Tiga ke empat bulan.